



**ELEMEN PREPOSISI DALAM PENULISAN BAHASA PERANCIS DAN
BAHASA MELAYU**



Oleh

SHOBEHAH BINTI ABDUL KARIM

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2024

FBMK 2024 29

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

ELEMEN PREPOSISI DALAM PENULISAN BAHASA PERANCIS DAN BAHASA MELAYU

Oleh

SHOBEHAH BINTI ABDUL KARIM

September 2024

Pengerusi : Profesor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Pelajar bahasa Perancis sebagai bahasa asing sering kali melakukan kesalahan kata preposisi (KP) dalam penulisan berbanding dengan golongan kata lain. Bertitik tolak daripada hal ini, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP bahasa Perancis (BP)-bahasa Melayu (BM), untuk menganalisis kesalahan KP, dan seterusnya untuk merumuskan pengaruh bahasa dalam pemilihan KP BP. Sehubungan dengan itu, persamaan dan perbezaan antara KP BP dengan KP BM dikenal pasti berdasarkan Teori Analisis Kontrastif (Akons), Robert Lado (1957), manakala kesalahan KP BP dianalisis berpandukan Taksonomi Strategi Permukaan Dulay, Burt & Krashen (1982) dan soal selidik serta temu bual turut dijalankan untuk menilai pengaruh bahasa dalam penulisan BP. Kajian kualitatif analisis dokumen ini dijalankan di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI). Responden kajian terdiri daripada 70 pelajar BP 2 (WFD10201) dan instrumen kajian ialah soalan 1, bahagian B Ujian Akhir BP 2. Hasil analisis kajian menunjukkan bahawa terdapat persamaan antara

KP BP dengan KP BM adalah dari sudut kepelbagaian bentuk KP, sama ada berbentuk tunggal atau gabungan frasa preposisi. Perbezaan KP BP pula disebabkan oleh faktor gender dan bilangan, sama ada bentuk tunggal atau jamak. Dalam hal ini, perbezaan KP BP ini adalah di antara faktor kesalahan KP BP responden. Dapatan analisis kesalahan menunjukkan bahawa terdapat 250 kesalahan KP BP, iaitu 219 kesalahan KP BP berbentuk tunggal dan 20 kesalahan KP berbentuk frasa dan kesalahan KP lain sebanyak 11. Hal ini terjadi kerana faktor varian KP BP berbentuk tunggal à (di, ke) dan *de* (dari) + Kata Nama BP mesti berpandukan gender dan bilangan. Selain itu, pengaruh bahasa ibunda dan bahasa Inggeris turut menyumbang kepada pemilihan KP BP. Kajian ini turut mencadangkan KPM dan guru BP mencari jalan menangani masalah kekeliruan KP BP dan meningkatkan kefahaman terhadap kelincahan KP BP yang berubah-ubah ini.

Kata Kunci: bahasa Melayu, bahasa Perancis, kata preposisi, kesalahan, penulisan

SDG: MATLAMAT 4: Pendidikan Berkualiti

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

PREPOSITION ELEMENTS IN FRENCH WRITING: A COMPARISON

By

SHOBEHAH BINTI ABDUL KARIM

September 2024

Chairman : Professor Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD
Faculty : Modern Languages and Communications

Students of French as a foreign language often make mistakes of prepositions in writing compared to other word groups. As established, this study was conducted to identify similarities and differences between French preposition (FP) and Malay preposition (MP), to analyze the preposition errors, and then to summarize the influence of language in the selection of French preposition. In relation to that, the similarities and differences between FP and MP were identified based on Contrastive Analysis Theory, Robert Lado (1957), while FP errors were analyzed based on Dulay, Burt and Krashen's Surface Strategy Taxonomy (1982) and questionnaires and interviews were also conducted to assess the influence of language in French writing. This qualitative document analysis study was conducted at the University of Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI). The study respondents consisted of 70 BP 2 students (WFD10201) and the research instrument was question No.1, part B of the BP 2 Final Exam. The results of the study analysis showed that there was a similarity between the BP KP and the BM KP from the point of view of

the variety of French preposition forms, whether single or combinations of Prepositional phrases. The difference in French preposition is due to gender and number factors, whether singular or plural. In this case, the difference between the KP BP is among the fault factors of the respondent's KP BP. The results of the error analysis show that there are 250 KP BP errors, namely 219 single-form KP BP errors and 20 phrase-shaped KP errors and 11 other KP errors. This happens because the single-form KP BP variant factor *à (di,ke)* and *de (from)* + Noun BP must be guided by gender and number. In addition to this, the influence of mother tongue and the English language also contributed to the selection of French preposition. This study also suggests that the Ministry of Education and Culture and BP teachers find ways to deal with the confusion of KP BP and increase understanding of the changing agility of FP.

Keywords: error, preposition, French language, Malay Language, writing

SDG: GOAL 4: Quality Education

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T, kerana atas limpah dan kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tesis ini dengan jayanya walaupun menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan. Alhamdulillah. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Profesor Dr. Vijayaletchumy Subramaniam, selaku penyelia saya atas kesabaran, sokongan, nasihat dan bimbingan yang diberikan banyak membantu kepada kejayaan dalam penghasilan tesis ini. Segala bantuan, semangat, strategi dan kebijaksanaan beliau telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik dan pendidik yang baik. Tidak dilupakan kepada barisan pensyarah di France Collaboration Program dan juga pensyarah serta staf Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Malaysia France Institute yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian ini. Segala pengalaman yang dilalui pasti tidak dapat dilupakan. Begitu juga kepada suami, keluarga dan sahabat yang banyak memberikan sokongan dan nasihat yang membina, kerana banyak dugaan serta cabaran yang telah saya tempuhi sepanjang tempoh menyiapkan tugas ini. Pengorbanan mereka tidak dapat kami balas melainkan sekadar menghadiahkan kejayaan tesis ini. Berkat doa daripada mereka juga menjadi bekal untuk saya maju dalam kehidupan. Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberikan sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tesis ini. Semoga penyelidikan dan tesis ini dapat dijadikan wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Berilmu Berbakti



© COPYRIGHT UPM

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut:

Vijayaletchumy a/p Subramaniam, PhD

Profesor
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Hazlina binti Halim, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Zuraini binti Jusoh, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 7 November 2024

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vii
PERAKUAN	ix
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii

BAB1

1	PENDAHULUAN	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.1.1	Pembelajaran Bahasa Perancis di Malaysia	4
1.1.2	Kata Preposisi Bahasa Perancis	10
1.1.3	Kata Preposisi Bahasa Melayu	18
1.2	Pernyataan Masalah	30
1.3	Objektif Kajian	36
1.4	Persoalan Kajian	37
1.5	Batasan Kajian	37
1.6	Kepentingan Kajian	39
1.6.1	Penyelidik	40
1.6.2	Pendidik	40
1.6.3	Universiti	41
1.6.4	Kementerian	42
1.6.5	Pelajar	42
1.7	Definisi Operasional	43
1.7.1	Penulisan Karangan Bahasa Perancis	43
1.7.2	Kata Preposisi	43
1.7.3	Bahasa Perancis	44
1.7.4	Pengaruh Bahasa dalam Pemilihan KP	45
2	SOROTAN KAJIAN	46
2.1	Kajian Pembelajaran Bahasa Perancis di Malaysia	46
2.2	Kajian Kata Preposisi	53
2.3	Kajian Penulisan	66
2.4	Kajian Analisis Konstrastif	75
2.5	Kajian Analisis Kesalahan Bahasa	86
3	METODOLOGI	102
3.1	Reka Bentuk Kajian	102
3.2	Kerangka Teori	105
3.2.1	Teori Analisis Kontrastif Robert Lado (1957)	105
3.2.2	Analisis Kesalahan Bahasa, Dulay Burt &	

	Krashen (1982)	113
3.2.3	Taksonomi Strategi Permukaan oleh Dulay, Burt & Krashen (1982)	118
3.2.4	Kesalahan Interlingual dan Intralingual	123
3.3	Kaedah Kajian	125
3.3.1	Kajian Lapangan	126
3.3.2	Kajian Kualitatif	126
3.3.3	Kaedah Soal Selidik	127
3.3.4	Kaedah Temu Bual	128
3.3.5	Kajian Kepustakaan	130
3.4	Lokasi Kajian	131
3.5	Populasi dan Pensampelan Kajian	132
3.6	Bahasa Perancis di UniKL MFI	135
3.7	Alat Kajian	138
3.7.1	Karangan BP	138
3.8	Kajian Rintis	140
3.9	Kajian Sebenar	142
3.10	Penganalisan Data	143
4	DAPATAN DAN PERBINCANGAN	146
4.1	Bahasa Perancis dan Pembelajaran Bahasa Perancis	147
4.2	Pengenalpastian Persamaan dan Perbezaan Elemen Preposisi BP – BM	155
4.3	Penganalisan Kesalahan Kata Preposisi dalam Penulisan Pelajar Bahasa Perancis Sebagai Bahasa Asing	173
4.4	Perumusan Pengaruh Bahasa dalam Penulisan Preposisi Bahasa Perancis	231
4.5	Rasional Teori dengan Dapatan Kajian	266
4.6	Implikasi Dapatan Kajian	270
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	277
	RUJUKAN	287
	LAMPIRAN	297
	BIODATA PELAJAR	317
	SENARAI PENERBITAN	319

SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat	
1.1	Taburan Pelajar Bahasa Perancis di Malaysia	6
1.2	Struktur Mata Pelajaran BP di UniKL MFI	9
1.3	<i>Les Prépositions Simples</i> (Kata Preposisi Tunggal Bahasa Perancis)	12
1.4	Kata Preposisi à Mengikut Fungsi dalam BP	14
1.5	Kata Preposisi BM Tunggal Mengikut Fungsi	20
1.6	Struktur Program Bahasa Peranci di UniKL MFI	45
3.1	Reka Bentuk Kajian	103
3.2	Analisis Kesalahan KP BP Mengikut Fungsi	115
3.3	Jenis Kesalahan Elemen Preposisi BP dalam Penulisan	119
3.4	Struktur Program Bahasa Perancis di UniKL MFI	136
4.1	Profil Pelajar tentang Bahasa Perancis	148
4.2	Kepentingan Belajar BP	148
4.3	Tahap Penguasaan BP	149
4.4	Tujuan Belajar Bahasa Perancis	150
4.5	Mempelajari Bahasa Asing	152
4.6	Pengalaman Menarik Semasa Mempelajari Bahasa Perancis	153
4.7	Kategori Kesalahan Tatabahasa dalam Penulisan Bahasa Perancis	155
4.8	Perbandingan Bahasa Perancis dan Bahasa Melayu secara umum	157
4.9	Perbandingan Fungsi KP Tunggal BP dan BM	161
4.10	Kesalahan KP Tunggal dan KP Majmuk BP Mengikut Fungsi	177
4.11	Analisis Kesalahan Elemen Preposisi dalam Penulisan BP Mengikut Fungsi, Jenis dan Punca Kesalahan	179
4.12	Kesalahan KP Tunggal BP	224

4.13	Senarai KK + KP BP	226
4.14	Pembentukan Kontraksi KP + KS + KN	227
4.15	Analisis Kesalahan Preposisi oleh Dulay, Burt and Krashan (1982)	229
4.16	Punca Kesalahan KP BP	234
4.17	Tahap Kefasihan dan Kemahiran Berbahasa Responden	248
4.18	Penggunaan Bahasa dalam Komuniti	250
4.19	Kekerapan Peralihan Bahasa	252



SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1.1	Bilangan Sekolah Menengah Mengajar Bahasa Perancis di Malaysia	6
1.2	Jumlah Pelajar BP di Sekolah Menengah di Malaysia	6
3.1	Kerangka Kajian	104
3.2	Klasifikasi Kesalahan Tatabahasa BP dalam penulisan karangan	109
3.3	Perbandingan Elemen Preposisi BP-BM dalam Penulisan	111
3.4	Model Penerangan Sederhana Analisis Kontrastif	112
3.5	Tatacara Analisis Kesalahan	114
3.6	Model 2 Penerangan Mudah Analisis Kesalahan	116
3.7	Tatacara Menentukan Dominasi Bahasa dalam Memilih Elemen Preposisi	124
3.8	Sumber Kesalahan Interlingual dan Intralingual	125
3.9	Profil Demografi Responden	133
3.10	Profil Bahasa Responden	134
3.11	Rajah Bidang Pengajian Responden di UniKL MFI	135
4.1	Tempoh Masa Mempelajari Bahasa Perancis	147
4.2	Profil Pelajar Pembelajaran Bahasa Perancis	147
4.3	Kepentingan Belajar Bahasa Perancis	148
4.4	Tahap Penguasaan Bahasa Perancis	149
4.5	Tujuan Mempelajari Bahasa Perancis	150
4.6	Bahasa Asing Pernah Dipelajari Responden	151
4.7	Pengalaman Menarik Semasa Mempelajari Bahasa Perancis	153
4.8	Kesalahan Tatabahasa Bahasa Perancis dalam Penulisan Karangan	155
4.9	Jenis Kesalahan Kata Preposisi Bahasa Perancis	175

4.10	Kesalahan Mengikuti Fungsi Preposisi	176
4.11	Kesalahan KP Tunggal BP	224
4.12	Analisis Kesalahan Preposisi oleh Dulay, Burt and Krashan (1982)	229
4.13	Sumber Kesalahan Interlingual dan Intralingual	233
4.14	Punca Kesalahan KP BP	234
4.15	Latar Belakang Bahasa Ibunda Responden	239
4.16	Bahasa Pertuturan di Rumah	239
4.17	Latar Belakang Bahasa Asing yang Pernah Dipelajari	240
4.18	Tahap Penguasaan Bahasa Perancis	241
4.19	Pengalaman Menarik Semasa Mempelajari Bahasa Perancis	242
4.20	Struktur BP Sama dengan BM	242
4.21	Boleh Menggunakan KP BP	243
4.22	Kata Preposisi BP <i>à, en, a, aux, dans</i>	243
4.23	Punca Kelemahan dan Kesalahan yang Dihasilkan dalam Penulisan	244
4.24	Menterjemah Perkataan Demi Perkataan dalam Penulisan	245
4.25	Bahasa dalam Fikiran Semasa Membina Ayat BP	245
4.26	Latar Belakang Kefasihan Bahasa Responden	247
4.27	Kelakuan Penggunaan Bahasa dalam Komuniti	249
4.28	Peralihan Bahasa	251

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran	Muka surat
A Borang Soal Selidik	297
B Soalan Temu Bual	301
C Soalan Ujian Akhir Bahasa Perancis 2	309
D Karangan Bahasa Perancis	310
E Data Analisis Kesalahan	316



SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
BA	Bahasa Asing
BM	Bahasa Melayu
BIng	Bahasa Inggeris
BP	Bahasa Perancis
BArab	Bahasa Arab
BMandarin	Bahasa Mandarin
BTamil	Bahasa Tamil
BThai	Bahasa Thai
BJerman	Bahasa Jerman
BIndonesia	Bahasa Indonesia
BSepanyol	Bahasa Sepanyol
B1	Bahasa Ibunda/ Pertama
B2	Bahasa Kedua
B3	Bahasa Ketiga
BS	Bahasa Sasaran
Akons	Analisis Kontrastif
AK	Analisis Kesilapan
KP	Kata Preposisi
KK	Kata Kerja
KAdj	Kata Adjektif/ Sifat
KAdv	Kata Adverba
KN	Kata Nama
KGN	Kata Ganti Nama
KPhubung	Kata Penghubung

KS	Kata Sandang
KST	Kata Sandang Tentu
KSTak Tentu	Kata Sandang Tak Tentu
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
MFI	Malaysia France Institute
MARA	Majlis Amanah Rakyat
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa ialah aspek penting dalam komunikasi antara satu individu dengan individu yang lain. Manusia berkomunikasi antara satu sama lain menggunakan pelbagai bahasa dan menjadi satu kelebihan buat pelajar, khususnya pada peringkat universiti sekiranya mereka mampu menguasai BA dengan baik dan bersesuaian dengan aspirasi kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Salah satu daripada 6 ciri utama yang diperlukan bagi setiap murid untuk berupaya bersaing pada peringkat global ialah setiap murid akan mempunyai kemahiran dwibahasa. Aspirasi kerajaan terhadap pelajar dalam pendidikan bahasa di Malaysia ialah setiap murid mempunyai :

Kemahiran dwibahasa: Setiap murid akan menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan, dan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dan bahasa komunikasi antarabangsa. Setiap murid juga akhirnya akan berpeluang mempelajari bahasa tambahan. Kepelbagaian Malaysia yang unik dan warisan berbilang budaya memberikan kelebihan daya saing kepada semua. Murid akan terus berpeluang untuk mempelajari bahasa Cina dan Tamil di sekolah jenis kebangsaan. Kini, sesetengah sekolah kebangsaan juga menyediakan peluang untuk mempelajari bahasa ketiga seperti bahasa Cina, Tamil, Arab, Iban, dan Kadazan Dusun. Pada peringkat menengah, peluang ini diperluas untuk meliputi bahasa antarabangsa lain. Selepas jangka masa tertentu, semua murid akan digalakkan belajar sekurang-kurangnya tiga bahasa untuk membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa ini.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)

Kerajaan melalui PPPM, menggalakkan setiap murid mempelajari bahasa tambahan di semua sekolah rendah, menengah, kolej komuniti, politeknik serta universiti bagi sektor awam dan swasta diperkukuh supaya setiap murid berpeluang mempelajari bahasa asing menjelang 2025. Kementerian turut memperkenalkan bahasa penting lain, seperti bahasa Perancis, Arab, Jepun dan Jerman dalam sistem pendidikan negara. Dasar kerajaan ini telah merobah senario pendidikan negara dan pembelajaran bahasa tambahan atau lebih dikenali dengan BA telah mula berkembang di negara Malaysia. Kini, umum mengetahui bahawa sebahagian besar IPT di negara ini turut menawarkan kursus BA untuk mencapai cita-cita dan aspirasi negara agar pelajar universiti juga mempunyai kemahiran dwibahasa, dan seterusnya belajar B3. Penguasaan B3 dengan baik adalah satu kelebihan, terutama dalam persaingan untuk mendapatkan pekerjaan yang baik selepas tamat pengajian.

Bahasa Perancis

BP berasal daripada bahasa Latin, iaitu dari Empayar Rom. Menurut sejarah, perkembangan BP bermula pada zaman Revolusi Perancis, iaitu melalui dasar imperialistik apabila kerajaan Perancis pada ketika itu mengembangkan "*la langue francaise*" ke seluruh tanah jajahannya. Kini, BP ialah bahasa rasmi 29 negara dan berstatus B1 kepada lebih kurang 77 juta penduduk dan juga B2 kepada 12 juta penduduk di dunia ini, terutama negara yang menganggotai "*Organisation Internationale de la Francophonie (OIF)*" atau Pertubuhan Antarabangsa Negara Francophonie. Negara ini juga termasuk 84 negeri atau jajahan, menggunakan BP sebagai bahasa rasmi dan

juga bahasa pengantar di sekolah. Menurut kajian yang dijalankan oleh OIF, terdapat kira-kira 300 juta penutur BP di seluruh dunia sebagai B1 atau B2.

Manakala di persada antarabangsa, BP sejak dulu lagi telah diiktiraf sebagai salah satu bahasa antarabangsa utama atau kedua oleh banyak organisasi atau pertubuhan antarabangsa dunia, seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Kesatuan Eropah, North Atlantic Treaty Organization, World Trade Organization, Kesatuan Olimpik Dunia, Kesatuan Bulan Sabit Merah Antarabangsa dan FIFA. Satu kajian tentang kepentingan BP telah dijalankan bersempena dengan Hari Antarabangsa BP, 2019 oleh majalah "The Local France". Data yang dikumpulkan telah menunjukkan bahawa BP kini berada di kedudukan ke-5 bahasa yang dipertuturkan selepas BMandarin, BI, BSepanyol dan BArab pada peringkat dunia.

Sementara itu, kajian demografi oleh Université Laval bersama "Réseau Démographie de l'Agence Universitaire de la Francophonie" menganggarkan jumlah penutur ini boleh mencecah kira-kira 500 juta pada 2025, 650 juta pada 2050. OIF pula menganggarkan penutur BP boleh mencecah sehingga 700 juta pada 2050 dan 80% adalah di Afrika. Kebanyakan penutur BP adalah di negara Perancis itu sendiri, Kanada, Afrika, Amerika Selatan dan sebahagian Asia. Selain itu, BP ialah B3 paling penting dalam urusan perniagaan selepas BI dan BMandarin. Oleh yang demikian, menyedari kepentingan BP sebagai bahasa antarabangsa, bahasa pentadbiran, bahasa perniagaan dan bahasa sastera di persada dunia, amatlah wajar BP dipelajari oleh masyarakat Malaysia, khususnya pelajar sekolah dan pelajar universiti. Ini bersesuaian

dengan harapan dan dasar KPM dan KPT melalui PPPM pada 2013, iaitu menggalakan pelajar sekolah dan universiti mempelajari BA agar ramai masyarakat Malaysia boleh menguasai B3 pada 2025.

1.1.1 Pembelajaran Bahasa Perancis di Malaysia

Malaysia bukanlah sebuah negara bekas jajahan Perancis tetapi pengajaran dan pembelajaran BP sebagai asing telah bermula seawal tahun 60-an, iaitu sejajar dengan BA yang lain. Pada peringkat pengajian Menengah, Choi (1995) menyatakan, mata pelajaran BP telah mula diajar di beberapa buah sekolah Inggeris yang dikelolakan oleh mubaligh Katolik di Tanah Melayu semasa zaman penjajahan British. Selepas kemerdekaan, bahasa tersebut hanya diajar selepas waktu persekolahan, sekali atau dua kali seminggu. Murid yang mempelajari bahasa tersebut menduduki peperiksaan BP peringkat Cambridge O Level. Kemudiannya, peperiksaan tersebut digantikan dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Choi turut menyatakan bahawa sedikit demi sedikit pengajaran BP di sekolah terpaksa dihentikan kerana ketiadaan guru untuk mengajar mata pelajaran tersebut.

Regis, Machart., Sep, Neo, Lim. (2017) dalam penilaian tentang pembelajaran BP sebagai BA di Malaysia setelah 30 tahun menyatakan pada awal 1970-an hasil daripada inisiatif beberapa guru Malaysia yang pernah mempelajari BP semasa zaman penjajah, BP mula diajar di sekolah berasrama penuh (SBP) di Malaysia bermula dengan Sekolah Menengah (SM) Sains Selangor pada 1973 dan seterusnya ke sekolah berasrama penuh lain secara berperingkat-peringkat. Pada 2000 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara


rasminya telah memperkenalkan pengajaran BP sebagai bahasa antarabangsa di sekolah di Malaysia. Ketika itu, kedudukan mata pelajaran BP di Malaysia dipermantap apabila peruntukan Akta Pendidikan 1996 (Lembaga Penyelidikan Undang-Undang, 2002, hlm. 18-19) turut menyebut *dasar pengajaran dan pembelajaran pelbagai bahasa di SM Kebangsaan ertinya SM kerajaan atau SM bantuan kerajaan yang mempunyai kemudahan bagi pengajaran Bahasa Arab, Jepun, Jerman atau Perancis atau mana-mana BA lain boleh diadakan jika didapati munasabah dan praktik berbuat demikian.*

BP mula ditawarkan sebagai mata pelajaran elektif di beberapa buah SBP dan SM harian terpilih di seluruh Malaysia bermula pada 2005. Sehingga kini, setelah 50 tahun pengajaran dan pembelajaran (P&P) BP di Malaysia, sumber daripada Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menunjukkan peningkatan yang sangat baik dalam permintaan P&P BP sebagai BA di Malaysia. Data terkini daripada BPK menunjukkan pada 2023 terdapat kira-kira 15,000 pelajar mempelajari BP sebagai BA di 114 buah sekolah di Malaysia, iaitu 45 buah SBP, 64 buah SM Harian dan 5 buah Sekolah Kebangsaan Agama. Jumlah tenaga pengajar BP terlatih juga meningkat ke 116 orang. Pengajaran BP sebagai BA di Malaysia ini telah berkembang dengan pesat selari dengan pengantarabangsaan pendidikan tinggi.


Jadual 1.1 : Taburan Pelajar Bahasa Perancis di Malaysia

BILANGAN	TAHUN				
	2019	2020	2021	2022	2023
SEKOLAH	97	101	101	103	114
MURID	12065	12865	13761	14788	15463
GURU	99	103	103	104	116

(Sumber: Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM (2023))



Rajah 1.1 : Bilangan Sekolah Menengah Mengajar Bahasa Perancis di Malaysia



Rajah 1.2 : Jumlah Pelajar BP di Sekolah Menengah di Malaysia

(Sumber: laman sesawang Kedutaan Perancis di Malaysia, 2024)

Pembelajaran Bahasa Perancis di Institusi Pengajian Tinggi

Di Malaysia, usaha telah dibuat oleh Kementerian dan institusi pendidikan tinggi awam atau institusi pendidikan tinggi swasta (IPTA/IPTS) dalam

Pembelajaran Bahasa Perancis di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI)

BP telah diperkenalkan di UniKL MFI sejak penubuhannya, iaitu sekitar 1980-an. Penubuhannya merupakan hasil kerjasama UniKL MFI dan kerajaan Perancis dengan matlamat untuk menjanakan golongan pelajar bidang teknologi yang juga mempunyai pengetahuan yang luas dalam BP. BP di IPTS ini berstatus sebagai subjek wajib universiti dan setiap pelajar perlu mempelajarinya untuk lulus dalam pengajian mereka. Lantaran itu, pelajar UniKL MFI perlu menguasai BP dengan baik. Setiap pelajar sama ada pada peringkat Diploma atau Ijazah wajib mempelajari bahasa ini dan mereka juga turut didedahkan dalam penulisan dan komunikasi asas BP. Pembelajaran BA di IPTS ini dibahagikan kepada 5 kategori, iaitu:

- i. BP pada peringkat Diploma
- ii. BP pada peringkat Ijazah
- iii. Program Pra-Perancis bidang Kejuruteraan (pelajar tajaan MARA)
- iv. Program Pra-Perancis bidang Sains Politik dan Pengurusan Perniagaan (pelajar tajaan MARA dan JPA)

UniKL MFI ialah sebuah IPT swasta yang menawarkan pelbagai kursus teknikal. Setiap pelajar program Diploma dan Ijazah wajib mempelajari BP I (WFD10101) dan BP II (WFD10201), iaitu dalam tempoh 2 semester. Syarat lulus dan bergraduat dari UniKL MFI ialah setiap pelajar UniKL MFI adalah wajib lulus kedua-dua tahap subjek BP ini bersesuaian dengan nama kampus Malaysia France Institut. Subjek BP 1 jam kredit ini, jumlah jam pengajaran dan pembelajaran sebanyak 28 jam satu semester. Sementara penilaian bagi subjek BP elektif ini pelajar perlu mengikut 30% kerja kursus, 30% projek, 10% quiz dan 30% ujian akhir. Oleh itu, setiap pelajar mesti menguasai bahasa ini

dengan baik untuk lulus dan mereka juga turut didedahkan dalam aspek penulisan dan komunikasi asas BP. Jadual 1.2 di bawah ialah Struktur Mata Pelajaran BP pada peringkat pengajian diploma dan ijazah di UniKL MFI:

Jadual 1.2 : Struktur Mata Pelajaran BP di UniKL MFI

Semester	Subjek	Jam/ minggu	Jumlah Minggu	Jumlah Jam
1	Bahasa Perancis I (WFD10101)	2	14	28
2	Bahasa Perancis II (WFD10201)	2	14	28
Jumlah				56

Pelajar BP di UniKL MFI didedahkan dengan asas tatabahasa BP berpandukan buku teks dari Perancis, iaitu "**Le Nouveau Taxi (2014)**" yang dicetak di Paris oleh syarikat penerbitan Perancis "*Hachette Français langue étrangère*". Isi kandungan buku teks "**Le Nouveau Taxi**" ini merangkumi topik aktiviti harian dan persekitaran. Topik ini dapat digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran BP sebagai BA, baik dalam negara Perancis mahupun luar negara Perancis. Kursus kemahiran BA tahap 2 ini banyak manfaatnya. Antaranya ialah kejayaan menguasai BA ini dengan baik boleh dijadikan sebagai nilai tambah dalam pasaran kerja kelak.

Pembelajaran BP sebagai BA adalah kompleks kerana semua pelajar tidak mempunyai asas dan pendedahan sama sekali terhadap bahasa ini. Kamaruzzaman (2011) mengatakan bahawa walaupun promosi dan galakan telah disediakan oleh kerajaan Perancis dan beberapa kerjasama linguistik dan kebudayaan ditandatangani, namun kekurangan bahan atau alat bantuan mengajar masih merupakan isu utama dalam perkembangan pembelajaran

BP di Malaysia. Selain itu, dalam kemahiran berkomunikasi pelajar juga tidak berpeluang untuk menggunakan BP selain waktu belajar bahasa tersebut di dalam kelas. Patricia Nora (2004) dalam kajiannya mengatakan bahawa pengajaran dan pembelajaran BP di Malaysia menghadapi beberapa kekangan. Antara kekangannya, pelajar BP di Malaysia jarang berpeluang menggunakan bahasa itu dalam percakapan harian di luar kelas. Faktor ini boleh memperlewat penguasaan BA ini dengan baik.

1.1.2 Kata Preposisi Bahasa Perancis

KP merupakan kata tidak bervariasi menghubungkan kata atau ayat, sebagai pelengkap dan menentukan hubungan semantik hasil daripada gabungan golongan kata dan fungsi penggunaan KP Kamus *Académie française, 9e édition* (2024). BP ialah bahasa yang unik dari sudut kosa kata dan juga tatabahasanya. Pelajar BP perlu mengambil kira faktor gender sama ada maskulin atau feminin, faktor bilangan sama ada tunggal atau jamak dan juga faktor ejaan KN bermula dengan huruf vokal *a, e, i, o,* dan *u* serta konsonan “*h*” yang tidak berbunyi. Faktor ini adalah penting dalam pembinaan ayat BP yang memiliki urutan SVO. Perkataan ini walaupun kecil tetapi fungsinya pelbagai dan boleh menunjukkan hubungan antara KP dengan golongan kata, seperti KN, KK, Kata Arah (KArah), KAdj, KGN atau KGND. Gabungan KP BP tunggal seperti **à** atau **de** dengan KNK bagi negara, bandar atau tempat menunjukkan preposisi lokatif, namun terdapat variasi yang perlu diambil kira dari sudut pembentukan KP BP tunggal + KN, iaitu faktor genus, bilangan, KN khas atau KN am. Perubahan KP ini mengikut nama bandar, negara, pulau atau wilayah.

Selain fungsi lokatif, KP tunggal **à** atau **de** juga boleh menunjukkan waktu, kepunyaan dan lain lagi. Sebagai contoh KPBP **à** apabila digabungkan dengan KN, KGN, KK, KAdj atau bilangan dapat menunjukkan hubungan atau makna yang khusus, seperti tempat, waktu, cara, tujuan, hubungan dan sebabnya. Justeru KP BP dapat dikelaskan kepada dua, iaitu KP kata bentuk tunggal atau *préposition simple* dan *locution prépositive* (Chollet 2009), iaitu gabungan KP tunggal bersama golongan kata, seperti KN, KArah, KK atau KAdj membentuk KP gabungan, iaitu KP majmuk. Callamand, M. (1989) dalam *Grammaire Vivante du Français* telah menyenaraikan KP tunggal dan majmuk mengikut lokasi dan waktu/masa.

KP bentuk kata tunggal atau *préposition simple* ialah KP yang terdiri satu kata sahaja, iaitu *dans* (dalam), *devant* (di depan), *sur* (di atas), *après* (selepas), dan sebagainya. Jadual 1.3 berikut ialah senarai KP bentuk Tunggal BP yang sering disenaraikan oleh Callamand, M. (1989) dalam BP :

Jadual 1.3 : Les Prépositions Simples (Kata Preposisi Tunggal Bahasa Perancis)

i. La Localisation (Lokasi)			
à	di, ke, kepada	sur	di atas, pada
de	dari, daripada, tentang	sous	di bawah
en	di, dari, pada	après	sesudah, setelah
par	dengan	devant	depan
dans	di/ke dalam	derrière	belakang
vers	ke arah	chez	di rumah/tempat
pour	untuk	<i>être à + distance + de</i> <i>se trouver à ... de...</i>	berada (<i>jarak</i>)... dari...

ii. Le déplacement (Arah Pergerakan)			
de... à...	dari... ke...	entre... et...	antara... dan...
de... vers...	dari,,, hingga...	jusqu'à	hingga...
de... jusqu'à...	dari... hingga...		

iii. La Détermination Temporelle (Waktu dan Masa)			
à, au	pada	de, du	pada
en	pada	dans	dalam
après	selepas		

Frasa preposisi BP dibentuk dengan unsur preposisi sebagai penanda, iaitu KP *à* atau KP bentuk kata tunggal lain, seperti *de* sebagai penandanya dan digabungkan dengan kata arah (KArah) atau KN. Gabungan ini membentuk KP gabungan atau majmuk seperti *au-dessus de* (di atas), *au-dessous de* (di bawah) dan *au milieu de* (di tengah), *à côté de* (di sebelah), *au coin de* (di penjuru), dan sebagainya seperti dinyatakan oleh Callamand, M. (1989).

Lanjutan daripada penjelasan di atas, KP BP bentuk tunggal **à** atau **de** apabila digabungkan di depan KK infinitif atau KN atau KAdj dapat memberikan makna yang tepat kerana KP mempunyai tugas atau fungsi yang berlainan dan bergantung kepada golongan kata yang digabungkan. Kedudukan KP BP tidak hanya terletak di hadapan KK tetapi KP BP juga boleh hadir selepas KK. Maka dengan itu, gabungan KP selepas KK adalah sebagai pelengkap ayat. Contohnya gabungan KP bentuk tunggal dengan KK **PARLER** (bercakap) ialah **parler à** (bercakap dengan) dan **parler de** (bercakap tentang).

- i. *Elle parle à Marc.* (Dia bercakap **dengan** Marc)
(S+ KK + **à** + KN)
- ii. *Marc parle de son pere.* (Marc bercakap **tentang** ayahnya)
(S+ KK + **de** + KN)

KP **à** dan **de** merupakan dua preposisi penting dalam tatabahasa BP. Kedua-dua KP ini mempunyai fungsi yang pelbagai dan penggunaannya mengikut fungsi sama ada dalam bentuk tunggal atau gabungan. Maka dengan sebab itu, KP **à** dan **de** tidak memiliki makna yang khusus dan maksud KP ini bergantung kepada gabungan dengan KN, KK atau KAdj dalam sebuah ayat. Gabungan KP bentuk kata tunggal dan KAdj atau KN mempunyai fungsi yang berbeza sama ada *préposition de temps* (KP untuk menyatakan waktu), *préposition de lieu* (KP Lokatif untuk menyatakan tempat), *préposition de mouvement* (KP untuk menyatakan gerak), dan sebagainya.

Berikut ini ialah senarai KP majmuk KP BP bersama terjemahannya dalam BM. Justeru, variasi yang mengelirukan pelajar BP ini, menyebabkan kajian

yang dijalankan ini memfokuskan KP **à** kerana pelajar keliru dan sering melakukan kesalahan elemen preposisi ini dan KP **à** sering digunakan oleh penutur jati BP. Poisson-Quinton (2003) telah menyenaraikan fungsi KP **à** sebanyak 15. Berikut ialah penggunaan KP **à** mengikut fungsi dan variasinya.

a. Kata Preposisi **à (di/ke/pada/untuk/dalam)**

Kata Preposisi **à** walaupun kecil tetapi **à** merupakan preposisi yang sangat penting dalam BP. KP **à** banyak kegunaannya dan beragam dan sama makna dengan **di, ke, pada, dalam** atau **untuk** dalam BM bergantung kepada KK dan KN yang digunakan, Berikut ialah fungsi kegunaan KP tunggal **à** BP :

Jadual 1.4 : Kata Preposisi “à” Mengikut Fungsi dalam BP

FUNGSI KP “à” - di, ke, pada
<p>1. DESTINASI tujuan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Je vais à Paris.</i> Saya pergi ke Paris ii. <i>Il peut conduire à la banque</i> Dia memandu ke bank
<p>2. LOKASI</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>J'habite à Montpellier.</i> Saya tinggal di Montpellier. ii. <i>Je suis à la bibliothèque.</i> Saya berada di perpustakaan.
<p>3. MENJELASKAN JARAK</p> <ul style="list-style-type: none"> i. <i>Je suis à 2 kilomètres de la plage</i> Saya berada 2 km dari pantai ii. <i>Le café est à 10 minutes...</i> Jarak kafe adalah 10 minit... iii. <i>J'habite à 20 minutes d'ici.</i> Saya tinggal 20 minit dari sini. iv. <i>Il est à 5 minute de moi.</i> Dia berada 5 minit dari saya.

Jadual 1.4 : Sambungan

<p>4. MENUNJUKKAN KETERANGAN WAKTU - Arah, jam dan musim</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Nous arrivons à 5h00.</i> Kami tiba pada pukul 5h00.ii. <i>Il va arriver à midi</i> Dia akan sampai waktu tengahariiii. <i>Elle a publié son premier roman à 25 ans.</i> Dia menerbitkan novelnya ketika berumur 25 tahun.iv. <i>Il est mort à 88 ans.</i> Dia meninggal dunia pada umur 88 tahun.
<p>5. TEMPOH MASA (sehingga)</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>à demain.</i> Jumpa esok!ii. <i>à la prochaine</i> Sehingga berjumpa lagi.
<p>6. JARAK MASA</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Il me faut 3 à 4 heures pour le faire.</i> Saya memerlukan 3 hingga 4 jam untuk melakukannyaii. <i>Du dimanche au vendredi</i> Dari ahad sehingga jumaat
<p>7. OBJEK – Pelengkap Benda dan Tujuan/Fungsi Kegunaan</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Un Sac à main</i> Beg tanganii. <i>Un Verre à vin</i> Gelas minuman keras/ gelas untuk minuman kerasiii. <i>Une machine à coudre</i> Mesin jahitiv. <i>Une cuillère à thé</i> Sudu teh / sudu untuk teh
<p>8. SIFAT ATAU CARA</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Chaussures à talon.</i> Kasut bertumit tinggiii. <i>Les enfant aux yeux bleus</i> Kanak-kanak dengan mata biru/ kanak-kanak bermata biru
<p>9. GAYA dan CARA pergerakan</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Une robe à manche.</i> Baju berlenganii. <i>Un tapis fait à la main</i> Karpit buatan tanganiii. <i>Aller à pied</i> Pergi dengan berjalan kakiiv. <i>La vie à la française.</i> Kehidupan gaya Perancis

Jadual 1.4 : Sambungan

<p>10. PENGUKURAN</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Acheter au kilo</i> Belian dengan kilogramii. <i>Payer à la semaine</i> Bayaran mingguaniii. <i>Faire 110km à l'heure</i> Kelajuan 110km sejam
<p>11. MENUNJUKKAN KEPEMILIKAN</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Cette voiture rouge est à moi</i> Kereta merah itu kepunyaan/milik sayaii. <i>Cet argent est à mon père</i> Wang itu kepunyaan ayah saya.iii. <i>Un ami à moi</i> Seorang teman sayaiv. <i>Ce livre est à Jean</i> Ini ialah buku Jean
<p>12. BAHAN PEMBUATAN - Komposisi (kandungan)</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>Salade au chèvre</i> Salad (dengan) keju kambingii. <i>Thé au citron</i> Teh (dengan) lemon
<p>13. INFINITIF PASIF</p> <ul style="list-style-type: none">i. <i>À louer</i> Untuk disewaii. <i>Je n'ai rien à lire.</i> Saya tidak punya apa-apa untuk dibaca.
<p>14. PELENGKAP KK</p> <ul style="list-style-type: none">i. KK + à + KN<ul style="list-style-type: none">a. <i>assister à (la réunion)</i> Menghadiri perjumpaan. (mesyuarat).b. <i>écrire à quelqu'un ...</i> Menulis kepada seseorangc. <i>réussir à l'examen</i> Berjaya lulus ujiand. <i>sourire à ...</i> Senyum kepada ...e. <i>téléphoner à quelqu'un...</i> Membuat panggilan kepada seseorang

Jadual 1.4 : Sambungan

<p>ii. KK + à + KK Infinitif</p> <p>a. <i>commencer à ...</i> bermula dengan ...</p> <p>b. <i>continuer à ...</i> bersambung/Diteruskan dengan ...</p> <p>c. <i>hésiter à ...</i> ragu-ragu dengan ...</p> <p>d. <i>enseigner à ...</i> mengajar dengan/untuk ...</p> <p>* Beberapa KK BP perlu diikuti oleh KP à sebelum KN atau KK infinitif.</p>
<p>15. PELENGKAP KATA ADJEKTIF</p> <p>KAdj + à + KK Infinitif atau KAdj + à + KN</p> <p>a. <i>être habitué à ...</i> telah terbiasa dengan ...</p> <p>b. <i>être prêt à ...</i> bersedia untuk ...</p> <p>c. <i>être autorisé à ...</i> dibenarkan untuk ...</p> <p>* Terdapat KAdj yang diikuti oleh KP à antara KAdj dengan KK infinitif . KAdj ini digunakan dengan KK être (<i>Impersonel expressions</i>) berkaitan dengan KAdj keupayaan, tingkah laku, tindakan dan perbuatan.</p>

Kontraksi Kata Preposisi “à”

Kata Preposisi **à** digunakan di hadapan KP yang dinyatakan di atas. Namun terdapat variasi dalam penggunaan KP **à**, iaitu pembentukan KP BP berubah apabila digabungkan dengan kata sandang tentu, seperti **le/la/l'/les**. Kontraksi KP **à** + KN yang diikuti dengan KS tentu **le/la/l'/les** menjadi KP **à la, à l', au,** atau **aux** kontraksi atau gabungan KP + KS tentu perlu disesuaikan dengan faktor genus dan bilangan bagi KN yang digunakan.

1.1.3 Kata Preposisi Bahasa Melayu

Berdasarkan Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga, Nik Safiah Karim et. al (2015) menyatakan bahawa kata sendi nama (KSN) ialah perkataan yang berfungsi sebagai kata depan sesuatu perkataan atau kumpulan perkataan yang tergolong sebagai kata nama, frasa nama. Contohnya *di* dalam, *di* Kuala Lumpur, dan *ke* dalam *ke sekolah kebangsaan*. Menurut Nik Safiah Karim (2022) Tatabahasa Dewan telah menyenaraikan sebanyak 23 KSN dan KSN tergolong dalam golongan kata tugas dan didefinisikan sebagai perkataan yang letaknya di hadapan KN atau FN. Dalam buku beliau bertajuk, Liku-liku Kata Sendi Nama, Nik Safiah telah menyenaraikan sebanyak 29 KSN dalam BM. Sebahagian besar daripada jumlah KSN tersebut terdapat 10 KSN yang kerap digunakan dalam BM, iaitu *bagai, dalam, dari, daripada, dengan, di, ke, kepada, pada* dan *tentang*. Manakala KSN BM yang tidak kerap digunakan ialah *bak, ibarat, demi, melalui* dan *untuk*.

Dalam pada itu, Maslida Yusof (2015) dalam kajian beliau tentang perkaitan semantik-sintaksis KK dengan preposisi BM menyatakan bahawa BM mempunyai satu kelas kata yang dikenali sebagai preposisi atau kata sendi nama atau kata depan. Perkataan seperti *di, ke, dengan, dalam, kepada, untuk, tentang, demi* dan *dari* ialah contoh kata preposisi BM. Perkataan ini apabila digabungkan dengan frasa nama (FN) akan membentuk frasa preposisi (FP), seperti *di sekolah, ke kedai, dari malam* dan *dengan pisau*. Bertitik tolak daripada kajian beliau inilah, mencetuskan idea bagi penyelidik menggunakan istilah KP menggantikan istilah KSN bagi tujuan keselarasan dalam menjalankan kajian perbandingan elemen preposisi BP-BM ini.

Peranan Kata Preposisi dalam Bahasa Melayu

KP memainkan peranan yang sangat penting dalam BM, iaitu membantu memperjelas makna dan membentuk ayat yang baik dan lengkap. KP membantu mengaitkan kata dan frasa bersama-sama, menyampaikan maksud dengan jelas dan membuat ayat lebih mudah difahami. Misalnya, KP seperti *di*, *ke*, dan *dari* membantu menunjukkan hubungan tempat antara subjek dengan objek dalam sebuah ayat. KP juga membantu menunjukkan waktu, cara, dan tujuan, seperti *sebelum*, *dengan*, dan *untuk*. KP juga memainkan peranan penting dalam membentuk ayat yang baik dan lengkap dan berstruktur. KP juga memastikan bahawa ayat mempunyai subjek dan objek yang jelas. KP juga membantu memastikan bahawa ayat mempunyai makna yang lengkap dan tepat. Secara keseluruhan, peranan KP sangat penting dalam BM, iaitu membantu menyampaikan maksud dengan jelas dan membuat ayat mudah difahami. Oleh itu, sangat penting untuk memahami dan menggunakan KP dengan betul dalam penulisan.

Kata Preposisi Bahasa Melayu

KP menghubungkan dua kata atau frasa dalam suatu ayat dan KP juga memainkan peranan penting dalam memperjelas makna dan membentuk ayat yang baik dan lengkap. Terdapat pelbagai jenis KP yang digunakan dalam BM, iaitu:

Jadual 1.5 : Kata Preposisi Tunggal Mengikut Fungsi

1. Kata Preposisi Maksud Arah

kepada	
Penggunaan	: Menunjukkan arah, tempat orang yang ditujui
Ayat	: Surat penghargaan itu ditujukan kepada cikgu Ali.
ke	
Penggunaan	: Arah tujuan/ hala
Ayat	: Kami akan bertolak ke utara esok pagi.
dari	
Penggunaan	: Arah
Ayat	: Kereta itu datang dari arah utara.

2. Kata Preposisi Tempat

di	
Penggunaan	: Untuk tempat
Ayat	: Perkhemahan itu diadakan di Langkawi.
ke	
Penggunaan	: Tempat dan benda konkrit tidak bernyawa
Ayat	: Kami akan ke Kuala Terengganu esok.
dari	
Penggunaan	: Tempat asal
Ayat	: Nicole berasal dari Perancis
pada	
Penggunaan	: Untuk menunjukkan tempat bagi perbuatan sesuatu kerja
Ayat	: Gambar keluarga saya digantung pada dinding ruang tamu.

3. Kata preposisi Waktu/Masa

pada	
Penggunaan	: Keterangan waktu
Ayat	: Kami bertolak ke Kuala Lumpur pada pukul 8 pagi.
sejak/semenjak	
Penggunaan	: Digunakan untuk membawa maksud penanda waktu atau masa.
Ayat	: Emak sentiasa gembira sejak/semenjak anak kesayangannya pulang dari Perancis.
hingga/ sampai	
Penggunaan	: Digunakan untuk menyatakan had masa, waktu atau tempat tertentu
Ayat	: Dalam pertandingan itu, dia berjaya melayakkan diri hingga/sampai peringkat akhir.
dari	
Penggunaan	: Menunjukkan masa
Ayat	: Jurulatih bola sepak menunggu pemainnya dari pukul 8 pagi tadi.
ke	
Penggunaan	: Masa.

Ayat	: Jamuan perkahwinan itu bermula dari pukul sebelas pagi tadi
------	--

4. Kata Preposisi Bersama-Sama

dengan	
Penggunaan	: Digunakan untuk menyatakan maksud bersama-sama atau serta, keterangan cara, dan penggunaan sesuatu sebagai alat
Ayat	: Hasilnya tidak setimpal dengan usahanya.

5. Kata Preposisi Tujuan

bagi/untuk	
Penggunaan	: Menunjukkan tujuan sesuatu berlaku atau diadakan.
Ayat	: Jualan itu diadakan untuk/bagi mengisi tabung bencana banjir.

6. Kata Preposisi Perbandingan

daripada	
Penggunaan	: Perbandingan
Ayat	: Bangunan KLCC lebih tinggi daripada bangunan Menara KL.
terhadap	
Penggunaan	: Merujuk unsur yang melibatkan penyambut
Ayat	: Generasi muda mestilah mempunyai rasa hormat terhadap orang tua.
bagai	
Penggunaan	: Perbandingan
Ayat	: Dia cantik bagai bidadari.
seperti	
Penggunaan	: Membawa maksud perbandingan
Ayat	: Dia berlari dengan pantas seperti harimau
tentang	
Penggunaan	: Maksud perkara atau hal yang dilakukan
Ayat	: Pengerusi persatuan bola jaring memberitahu pemainnya tentang perlawanan bakal diadakan minggu depan.

7. Kata Preposisi Sebab/Punca

oleh	
Penggunaan	: maksud sebab
Ayat	: Adik dimarahi oleh ibu sebab ponteng sekolah bersama rakan baiknya
daripada	
Penggunaan	: menyatakan punca
Ayat	: Remaja mesti menghindarkan diri daripada dadah.

8. Kata Preposisi Fungsi Hubungan Pembuat

oleh	
Penggunaan	: digunakan selepas KK pasif yang berawalan <i>di-</i> dan <i>ter-</i>
Ayat	: Adik saya terpengaruh oleh kata-kata rakan baiknya

9. KP Fungsi Menyatakan Asal atau Sumber Sesuatu Benda, Haiwan atau Manusia

daripada	
Penggunaan	: Sumber atau asal sesuatu benda
Ayat	: Kain songketnya diperbuat daripada benang emas.
daripada	
Penggunaan	: Punca bagi manusia, haiwan dan benda
Ayat	: Aminah memperoleh hadiah itu daripada kakaknya.

Berikut adalah di antara jenis KP yang paling kerap digunakan dalam BM dan memainkan peranan penting dalam membentuk ayat yang baik dan bermakna. Oleh yang demikian, jenis KP dan cara penggunaannya dengan tepat dapat membina ayat dengan maksud yang jelas dan mudah difahami. Contohnya, KP *kerana* digunakan untuk menunjukkan sebab sesuatu berlaku, tetapi jika konteks adalah tentang hasil, KP *sehingga* mungkin lebih sesuai. Pemilihan KP yang tepat dapat membantu membina ayat yang bermakna dan maklumat yang disampaikan adalah betul. Dengan demikian, sikap berhati-hati perlu untuk memastikan penggunaan KP yang sesuai dalam setiap ayat yang ditulis. Di bawah ini ialah contoh penggunaan KP BM dalam bentuk ayat dan frasa.

Analisis Kontrastif

Analisis Kontrastif (AKons) ialah salah satu bidang yang dikaji dalam linguistik terapan. Menurut James, C. (1980:220), istilah AKons adalah seperti yang berikut "*Having described the target element (TL), one compares this with*

corresponding element in the learners mother tongue that is one does of Contrastive Analysis”.

Manakala dalam Kamus Linguistik (1997) istilah perbandingan dalam konteks bahasa bermaksud pemerian butir dan pola yang serupa atau berbeza antara dua bahasa atau lebih. AKons lebih fokus kepada aspek perbandingan bahasa dan dijalankan secara sistematik tentang ciri linguistik tertentu ke atas dua bahasa atau lebih dengan tujuan untuk melihat persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa yang dikaji. Menurut Corder (1993:148) pula :

“.. this is the process of comparing different languages. The languages involved are, in the first place, the mother tongue of the learner and the second language. This activity yields an account of the difference between L1 and L2 or predicts learning problems or learning items”

Richard, J.C. J. Platt & H.Platt (1993) Kridalaksana (1993) dan James (1998) bersetuju dengan kenyataan Corder (1993) tentang AKons. Mereka menyatakan bahawa AKons ialah kaedah sinkronis dalam menganalisis persamaan dan perbezaan antara dua bahasa dari segi sistem bunyi, tatabahasa ataupun dialek dengan tujuan untuk mencari prinsip yang dapat diterapkan dalam masalah penggunaan, pembelajaran dan pengajaran bahasa. Kajian Analisis Kontrastif menurut Lado, R. (1966), adalah seperti berikut :

- i. Membandingkan unsur yang terdapat dalam dua bahasa atau lebih daripada rumpun yang tidak sama untuk mengetahui persamaan dan perbezaan unsur yang dikaji. Unsur yang dimaksudkan ialah variasi

daripada unsur bahasa yang terkecil, iaitu sistem bunyi hinggalah unsur bahasa yang paling besar, iaitu wacana.

- ii. Membandingkan unsur bahasa yang terbabit secara sinkronis atau deskriptif. Perbandingan dijalankan dalam suatu masa yang tertentu dan tidak melibatkan perkembangan sejarah bahasa yang dibandingkan.
- iii. Hasil perbandingan menunjukkan pelbagai kemungkinan dan keperluan, iaitu bertujuan untuk kefahaman hinggalah untuk keperluan praktis, seperti pengajaran, penterjemahan, dan penelitian.

Dengan yang demikian, penyelidikan AKons meliputi penyelidikan teoretis dan penyelidikan praktis. Hamzah, Z. A. Z & Talip, R (2006) menyatakan bahawa AKons ialah pengkajian teoretis bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kebahasaan, manakala pengkajian praktis pula ialah keperluan praktis, seperti pengajaran dan penyusunan bahan pengajaran. Oleh hal yang demikian, kajian ini melibatkan perbandingan dua bahasa daripada rumpun yang berbeza, iaitu Roman dan Austronesia untuk mencari, menganalisis serta mengkaji jika terdapat persamaan dan perbezaan antara kedua-dua bahasa. Seterusnya merumuskan dan mengukur tahap kesukaran yang dihadapi oleh pelajar dalam mempelajari BA dengan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Analisis Kontrastif Versi Kuat

Akons versi kuat atau *à priori* membandingkan dua bahasa, iaitu bahasa sumber dan bahasa sasaran (BS). Perbandingan kedua-dua bahasa ini dijalankan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan yang terdapat

antara kedua-dua bahasa ini. AKons versi kuat ini bertujuan untuk melihat kesukaran yang dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari BA. Akons versi kuat ini membolehkan kita meramalkan kesukaran yang mungkin dihadapi oleh pelajar semasa mempelajari BA. Zubir, M. U., & Kamaruddin, R. (2019) menyatakan bahawa kesalahan dan kesulitan yang dialami dalam pembelajaran BA dapat diramalkan dengan melihat persamaan dan perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran dan Lee, W.R. (1968) antara linguis AKons yang turut mengemukakan hipotesis versi kuat seperti yang berikut:

- i. Inteferensi B1 pelajar ialah punca utama kesulitan dan kesalahan dalam pembelajaran BA
- ii. Perbezaan antara kedua-dua bahasa ialah penyebab utama kepada kesulitan menguasai B2
- iii. Semakin besar jurang perbezaan antara B1 dengan B2, semakin besar kesulitan menguasai BS
- iv. Keputusan perbandingan antara B1 dengan B2 diperlukan untuk meramalkan kesulitan dan kesalahan yang mungkin timbul dalam pembelajaran BS
- v. Perancangan P&P yang baik dapat dirancang hasil daripada perbandingan antara B1 dengan BS, tumpuan diberikan kepada langkah untuk mengatasi masalah perbezaan kedua-dua bahasa ini hasil AKons.

AKons versi kuat memberikan maklumat penting kepada pengajar agar lebih peka dan memahami kesukaran dan masalah yang dihadapi pelajar dalam mempelajari BA. Secara praktiknya, AKons versi kuat dijalankan ke atas dua bahasa dengan mengenal pasti kesilapan atau kesalahan struktur pembinaan

ayat, seterusnya dikategorikan daripada mudah sehingga kompleks. Oleh yang demikian, AKons versi kuat ini juga dianggap sebagai langkah yang baik untuk mencegah kesalahan daripada berlaku melalui kaedah perbandingan bahasa. Lado, R. (1957) menyatakan bahawa guru yang membandingkan BA dengan B1 dapat mengenal pasti masalah sebenar dihadapi pelajar dalam pembelajaran bahasa, dan seterusnya mencari jalan penyelesaian untuk membetulkan kesalahan pelajar dalam pembelajaran B2, dan seterusnya merancang strategi P&P yang berkesan dan dapat membantu pelajar mempelajari menguasai BS dengan baik, membuat pemilihan kata yang betul dan membina struktur ayat yang gramatis.

Analisis Kontrastif Versi Lemah

AKons versi lemah atau bersifat *à posteriori*, ialah pendekatan untuk menjelaskan kesalahan yang dilakukan pelajar. AKons versi lemah ialah langkah untuk mengklifikasikan dan menerangkan kesalahan dan juga bertujuan untuk mendekati masalah pembelajaran BA dengan menerangkan kesalahan dalam penghasilan pelajar dan tidak melibatkan konsep telahan atau andaian. AKons versi lemah ini lebih bersifat diagnostik dan menuntut linguis atau guru bahasa menggunakan pengetahuan linguistiknya untuk mengkaji kesulitan yang dijumpai dalam pembelajaran B2 pelajar. Dalam konteks ini, pendekatan AKons versi lemah ini tidak melibatkan banyak teori linguistik tetapi bermula dengan bukti transfer dan penggunaannya untuk menjelaskan persamaan dan perbezaan antara dua sistem bahasa. Bertitik tolak daripada ini, teori AK diadaptasikan untuk menganalisis kesalahan bahasa pelajar manakala pendekatan AKons pula, untuk mengenal pasti

kesalahan bahasa dalam penulisan pelajar melalui kajian perbandingan yang dijalankan. Menurut Fisiak (1984), AKons dapat menentukan jenis kesalahan dan mengikut kategori yang disebabkan oleh perbezaan B1 dengan BA yang dipelajari dan pendekatan AKons dan AK saling melengkapi.

Selain itu, AKons versi lemah turut menyatakan bahawa tidak semua kesalahan berbahasa disebabkan oleh interferensi atau gangguan bahasa pertama. Dalam hal ini, AKons hanyalah bersifat diagnostik dan disebabkan itulah AKons disarankan berkerjasama dengan analisis kesalahan. Dalam hipotesis bentuk lemah ini, dikenal pasti bahawa kesalahan berbahasa disebabkan oleh pelbagai faktor, termasuk mengidentifikasi jenis kesalahan yang disebabkan oleh interferensi. Perbezaan B1 dan BS boleh digunakan untuk menerangkan kesalahan dan sebaliknya. Dengan demikian, punca kesalahan dikenal pasti dan cuba memperbetulkannya dengan huraian berpandukan dua sistem bahasa yang terlibat, iaitu B1 dan B2.

Oleh itu, kepentingan AKons dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa ini perlu diberikan perhatian, terutama dalam pembelajaran BA di Malaysia, iaitu membandingkan BM dengan BP. Melalui kajian ini juga dapat dilihat ciri persamaan dan perbezaan yang terdapat antara BM dengan BP. Menurut Lado, R. (1957), jika terdapat persamaan dan perbezaan antara B1 dengan B2 maka tahap kesulitan pembelajaran BS dapat dibahagikan kepada dua, iaitu sukar atau mudah. AKons turut membantu pelajar dan juga guru melihat dengan jelas pembentukan struktur ayat kedua-dua bahasa. Struktur B1 yang berbeza dengan BS dianggap menyukarkan penguasaan bahasa pelajar.

Bertitik tolak daripada ini, kajian perbandingan elemen preposisi dalam penulisan BP dan BM dijalankan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan antara elemen preposisi kedua-dua bahasa, mengenal pasti kesalahan penulisan dan seterusnya merumuskan faktor bahasa yang mempengaruhi dalam pemilihan KP BP melalui pengaruh intralingual atau interlingual dalam penulisan responden. Andaian utama dalam teori ini ialah sejauh mana kesulitan dan kesukaran serta kesalahan dalam penulisan BA yang dilakukan oleh pelajar berkait rapat dengan perbezaan antara bahasa ibunda dengan bahasa sasaran. Disebabkan kewujudan masalah tersebut, maka muncullah teori yang berteraskan konsep pemindahan dan gangguan B1, yang menegaskan pemerihalan B1 dan B2 serta perbandingan kedua-dua bahasa untuk memperlihatkan persamaan dan perbezaan yang ada, dan seterusnya analisis kesalahan (AK) dijalankan dalam kajian ini.

Analisis Kesalahan Bahasa

Pembelajaran sesuatu BA mementingkan pembelajaran sesuatu tatabahasa yang menyeluruh seperti pembentukan kata dan ayat yang betul dan tepat. Allen & Corder (1974:177) menyatakan bahawa penulisan ialah sesuatu yang kompleks dan kemahiran menulis ialah kemahiran yang sukar untuk dikuasai.

“Its level of difficulty varies between native speakers who think in the language used and non-native speakers who think in their own native language. While writing, non-native speakers have, in general, to think about all those rules they need to apply, rules that native speakers are supposed to have automatised. Therefore, non-native speakers are more prone to making mistakes and/or committing errors.”

Kesalahan berbahasa yang dibincangkan dalam kajian ini merangkumi pengertian kesalahan berbahasa dan bertujuan untuk AK berbahasa, klasifikasikan kategori kesalahan berbahasa, dan sumber kesalahan berbahasa tersebut. Kesalahan berbahasa melambangkan kompetensi BA dan mengacu kepada penyimpangan yang sifatnya sistematik, tekal dan menggambarkan tahap tertentu kemampuan berbahasa pelajar (Brown, 1987). Pengertian kesalahan '*error*' dibezakan dengan pengertian kekeliruan '*mistake*'. Kekeliruan mendorong kepada penyimpangan kompetensi pelajar. Kekeliruan juga boleh menyebabkan penyimpangan yang tidak sistematik. Contohnya kekeliruan yang terjadi kerana faktor keletihan atau emosi.

Dulay, Burt & Krashen (1982) sependapat dengan klasifikasi *error* dan *mistake*, namun mereka menggunakan istilah *error* untuk semua jenis kesalahan. Hal ini kerana aspek kesulitan untuk menentukan perbezaan hakikat kesalahan dan kekeliruan itu. Justeru, perkataan kesalahan akan digunakan untuk mengelakkan kekeliruan dalam menjalankan kajian ini bersesuaian dengan jumlah masa pelajar BP di UniKL MFI telah mempelajari KP BP selama 2 semester iaitu lebih kurang 56 jam.

Tujuan Analisis Kesalahan Berbahasa

AK bertujuan untuk menentukan jenis-jenis kesalahan yang perlu diberikan perhatian dalam latihan. Dalam sejarah perkembangan AK, di samping untuk tujuan praktikal, AK juga digunakan secara teori. Secara praktikalnya, AK dijalankan untuk memperoleh maklum balas dan maklumat tentang kesalahan dan puncanya. kesalahan, analisis kesalahan diharapkan dapat membantu

pengajar dalam (a) menentukan strategi pengajaran, (b) menentukan penekanan dalam hal penjelasan dan latihan, (c) memperbaiki pengajaran, dan (d) memilih maklumat yang tepat untuk menganalisis tahap penguasaan bahasa pelajar. Dalam pada itu, AK juga penting buat pengajar, AK dapat membantu pengajar untuk menciptakan proses pembelajaran yang efektif dan pengajaran yang efisien.

Hal ini menyebabkan kajian seterusnya yang melibatkan kesalahan elemen preposisi dalam penulisan pelajar dijalankan dengan pendekatan taksonomi strategi permukaan (*Surface Strategy Taxonomy*) oleh Dulay Burt & Krashen (1982). Taksonomi AK ini telah membahagikan kesalahan kepada empat kategori. Kesalahan struktur ayat yang dikesan dikelaskan mengikut kesalahan berikut: :

- i. Kesalahan Pengurangan (*Omission*)
- ii. Kesalahan Penambahan (*Addition*)
- iii. Kesalahan Penyusunan (*Misordering*)
- iv. Kesalahan Pemilihan/Pembentukan Kata (*Misformation*)

1.2 Pernyataan Masalah

Semasa ujian akhir BP2 dijalankan pelajar diminta membina ayat dengan tatabahasa dan struktur ayat yang betul tetapi pelajar sering didapati melakukan kesalahan dalam penulisan yang akan menjejaskan pencapaian dalam bahasa sasaran. Setelah mempelajari BP sebagai BA selama 28 minggu (WFD10101) dan 28 minggu (WFD10201), pelajar teknikal

kejuruteraan UniKL MFI masih lagi melakukan kesalahan kata preposisi BP. Kesalahan paling ketara ialah kesalahan KP tunggal KP BP *à* atau “di” dalam BM, terutama variasi kontraksi KP + KN tempat melibatkan genus dan bilangan melibatkan KN tempat, KNK negara dan bandar adalah paling ketara walaupun mereka telah mengikut kelas BP sebagai BS selama 56 minggu.

Pada peringkat awal pembelajaran BP sebagai BA, reponden terlebih dahulu diajar membina ayat mudah dengan menggunakan struktur ayat dan tata bahasa BP yang betul seperti penggunaan kata preposisi KP *à* yang menunjukkan tempat *di* + lokasi dalam BM. Semasa proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) pendedahan awal diberikan dengan memberi penerangan terlebih dahulu, kemudiannya tunjuk ajar diikuti oleh latih tubi berserta dengan latihan *di* dalam kelas atau pun *di* atas talian, namun pelajar masih melakukan kesalahan penulisan terutamanya kesalahan KP BP *à*. Kebanyakan pelajar mengambil mudah apabila menulis KP *à* sebelum tempat seperti bandar, kampung dan juga pulau. Dalam BP tanda (`) di atas huruf “**a**” iaitu “*accent grave*” (*à*) memainkan peranan yang penting untuk menjelaskan perbezaan antara KP dan KK **AVOIR** (ada).

Dalam hal ini, *à* yang bertanda di atas ini membawa maksud *di* dalam BM dan berfungsi sebagai kata depan untuk tempat BP seperti bandar, kampung dan pulau. Manakala dari segi ortografi KP *à* ditulis tanpa “*accent grave*” atau penanda di atasnya **a** makna dan fungsi huruf **a** ini akan berubah. Perubahannya membawa kepada perubahan makna yang besar kerana **a** tanpa “*accent grave*” membawa maksud yang berbeza iaitu terbit daripada KK

AVOIR yang telah dikonjugasikan mengikut KGN tunggal bagi orang ketiga iaitu “**Il a ...**” (M) atau “**Elle a ...**” (F) bermaksud “**Dia ada ...**” dalam BM. Maka dengan sebab itu, jelaslah kepentingan meletakkan tanda bacaan di atas “**à**” atau *accent grave* ini kerana maknanya akan berubah dan fungsinya juga berbeza iaitu KP menunjukkan tempat.

Selain itu, bentuk KP tempat **à** BP yang pelbagai seperti KP BP + lokasi iaitu **à, en, à la, à l', au** dan **aux** adalah di antara punca utama pelajar BP melakukan kesalahan pemilihan KP BP tunggal ini. KP BP **à, en, à la, à l', au** atau **aux** ini adalah sama dengan KP tempat *di* + lokasi dalam BM. Pelajar BP perlu mengambil kira beberapa peraturan pembentukan KP **à** BP iaitu pertama konsep gender sama ada maskulin atau feminin, kedua bilangan iaitu tunggal atau jamak, ketiga ortografi sama ada ejaan awal adalah vokal atau konsonan, keempat KN am tempat atau KN khas. Sementara KN khas pula perlu mengikut kategori sama ada KN tersebut adalah nama bandar, daerah, pulau, negara atau benua. Dalam pada itu, terdapat juga beberapa pengecualian yang perlu diberi perhatian oleh pelajar sebelum memilih KP yang betul. Di samping itu, pelajar juga keliru dengan penggunaan KN am dan KN khas.

Menurut Usha & Vijayaletchumy (2024) kemahiran menulis sebuah karangan yang baik dalam kalangan pelajar masih kabur berpunca daripada masalah KN am dan KN khas kerana kurangnya pendedahan dan penjelasan terhadap kedua2 KN ini. Masalah ini berlaku kerana hukum tatabahasa tentang kepentingan KN am dan KN khas ini kurang diberikan penekanan semasa

proses P&P dijalankan. Dalam pada itu, semasa dalam proses pemilihan KP ini berlaku, ciri-ciri persamaan KP BP dengan KP BM banyak membantu pelajar memilih KP BP yang betul seperti dinyatakan oleh Mariyati Haji Mohd Nor et al (2015) dalam kajian beliau. Persamaan KP BP-BM membantu pelajar manakala perbezaan mengelirukan pelajar.

Justeru, kajian rintis juga telah dijalankan dalam kalangan pelajar BP 1 UniKL MFI. Dapatan kajian menunjukkan bahawa hampir 50% kesalahan. Kebanyakannya adalah kesalahan KP tunggal + lokasi ketika membina ayat menggunakan KK **HABITER** (tinggal) bersama padanan KP + KN tempat iaitu **à, en, au, aux** atau KP **dans** untuk menerangkan tempat tinggal seseorang. Pemilihan KP lokatif ini menarik kerana pemilihan KP ini dipengaruhi oleh KN yang mengikutinya dari segi KN tempat (KN am/ KN khas bandar/KN negara), gender (maskulin atau feminin), bilangan (tunggal atau jamak) dan ejaan sama ada konsonan atau vokal (Harianja, N., 2008). Sampel kajian adalah pelajar melayu dalam bidang kejuruteraan teknikal.

Keputusan ujian penulisan BP menunjukkan bahawa peratus kesalahan KP adalah yang tertinggi iaitu 50% atau sebanyak 55 kesalahan berbanding kesalahan tatabahasa lain. Kekeliruan pelajar terhadap penggunaan KP BP menjadi punca utama pelajar melakukan kesalahan dan tidak dapat mencapai keputusan yang baik dalam penulisan. Sugiharyanti, E. (2007) menyatakan pelajar BP banyak melakukan kesalahan pemilihan KP BP disebabkan terdapat perbezaan struktur struktur frasa preposisi BP dengan B1. Kesulitan ini dipengaruhi oleh tiga hal, iaitu penanda jantina (gender) dan bilangan

(tunggal atau jamak). Fatin Najlaa Malik et al (2019) turut menyatakan bahawa bentuk kata sendi nama *di* BP berubah-ubah disebabkan oleh gender KN yang dipadankan dengan kata sendi nama. Berbeza dengan BM di mana setiap KN tidak dikelaskan kepada gender gramatikal.

Menurut Halim, H.A. (2008) salah satu cabang tatabahasa yang paling rumit untuk pelajar BP ialah gender gramatikal kerana gender gramatikal bukanlah sekadar suatu aksesori, malah suatu kepentingan dalam BP. Beliau juga turut mengatakan bahawa aspek yang penting dalam pembelajaran BP ialah tatabahasanya kerana dengan hanya sedikit kesalahan yang dilakukan akan membawa pengertian yang berbeza ataupun ketidakfahaman pendengar atau pembaca tentang perkara yang cuba disampaikan oleh seseorang pelajar BP. Selain itu, masalah gangguan B1 dan B2 turut mempengaruhi dalam kesalahan pemilihan KP *en, au, aux* atau *à* dalam penulisan BP, seperti dinyatakan oleh Hazlina dan Ang Lay Hoon (2015), masalah gangguan bahasa ini boleh menyebabkan perkara yang mudah menjadi susah.

Selain itu, lompang kajian penyelidikan terdahulu tidak memfokuskan kata preposisi tunggal BP dalam kalangan pelajar IPT juga menjurus penyelidikan untuk mengkaji KP tunggal BP dalam penulisan pelajar BP 2 UniKL MFI yang mempelajari BP sebagai mata pelajaran wajib. Seperti kajian yang dilakukan oleh Harun, A. (2006) dalam analisis kesalahan penggunaan KP BP dalam kalangan pelajar SBP. Di samping itu, kajian Malik, F. N., Hassan, O., & Hamzah, Z. A. Z. (2019) telah menjalankan satu kajian kualitatif untuk mengenal pasti kata sendi nama (KSN) atau KP '*di*' yang terdapat dalam lirik

lagu Gurindam Jiwa. Begitu juga dengan Kezia, K. (2024), beliau menganalisis jenis preposisi dan fungsi makna preposisi dalam lagu kanak-kanak Perancis daripada album YouYou yang terdiri daripada 7 lagu dan Vive Le Cirque yang terdiri daripada 6 lagu melalui kaedah kualitatif deskriptif. Selain itu, Ikhsan, M. (2015) menjalankan kajian analisis wacana 10 artikel dalam majalah Courrier international Edisi Januari 2015 (no.1263). kajian beliau bertujuan untuk bertujuan untuk membandingkan penggunaan KP *à* dan *de* serta menganalisis fungsi penggunaannya. Hal ini memberikan ruang kepada penyelidik untuk mengisi lompong kajian melalui kajian terdahulu dengan memfokuskan Kajian elemen preposisi dalam penulisan pelajar BP2 UniKL MFI dengan lebih rinci.

Penyelidik mendapati bahawa kekeliruan pelajar dalam membuat pilihan KP ini kerana kurang pendedahan terhadap BP dan pembelajaran BP berlaku di luar persekitaran bahasa itu sendiri. Komponen KP tunggal atau jamak diajar berpandukan silibus dalam buku teks BP Le Nouveau Taxi 1. Pada awal peringkat awal pembelajaran pelajar sukar memahami konsep pembentukan KP BP yang membawa maksud *di* kerana bentuknya tidak tetap dan berubah-ubah, sama ada, disebabkan oleh faktor gender gramatikal bagi KN BP dan bilangan serta sistem pengelasan KN BP. Malik, F. N., Hassan, O., & Hamzah, Z. A. Z. (2019) menyatakan variasi ini mewujudkan kekeliruan dari segi pengelasan dan pelajar akan cenderung membuat kesalahan dalam membina frasa sendi nama.

Hal ini membuktikan bahawa keperluan menjalankan perbandingan elemen preposisi BP-BM bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan KP BP dengan BM, menganalisis kesalahan KP dalam penulisan dan merumuskan bahasa yang mempengaruhi pelajar dalam pemilihan KP BP. Malik, F. N., Hassan, O., & Hamzah, Z. A. Z. (2019) dalam kajian beliau telah mencadangkan agar kajian akan datang, fokus terhadap faktor kewujudan variasi bentuk KSN “di” dalam BP akan dibuat dengan lebih mendalam. dan pengelasan bagi setiap KSN tersebut juga dapat dibuat dengan lebih jelas dan teratur untuk memudahkan pelajar khususnya, memahami dan menguasai topik KSN. Sementara Tobing, R. L. (2020) pula menyatakan pendekatan AKons sangat berguna untuk perkembangan ilmu bahasa dan untuk memahami budaya bangsa lain melalui perbezaan bahasa. Hal ini sesuai dengan hasil penelitian yang dijalankan oleh Khansir, A. A., & dan Pakdel, F. (2019). Mereka mengatakan bahawa pendekatan AKons bersama dengan AK terhadap kajian kesalahan ialah teknik yang berharga. Pendekatan ini bukan sahaja membantu pengajar BA merancang silabus, teknik dan strategi pengajaran malah juga membantu pelajar BA dalam pembelajaran Bahasa sasaran iaitu bahasa Perancis. Justeru penyelidik juga melihat pengaruh B1 atau B2 dalam pemilihan KP. Dapatan tersebut membantu dan memberi laluan kepada tenaga pengajar BP di Malaysia dalam menyediakan aktiviti pembelajaran.

1.3 Objektif Kajian

Kajian ini berfokus kepada perbandingan elemen preposisi BP dan BM, kesalahan pemilihan kata preposisi dalam penulisan dan bahasa yang

mempengaruhi kemahiran penulisan BP sebagai bahasa asing pelajar UniKL MFI. Secara khususnya, kajian merangkumi objektif berikut:

- i. Mengenal pasti persamaan dan perbezaan elemen preposisi BP – BM
- ii. Menganalisis kesalahan kata preposisi dalam penulisan pelajar BP sebagai bahasa asing
- iii. Merumuskan pengaruh bahasa ibunda atau pengaruh bahasa Inggeris dalam pemilihan kata preposisi BP

1.4 Persoalan Kajian

1. Apakah persamaan dan perbezaan elemen preposisi antara BP dengan BM.
2. Apakah kesalahan Kata Preposisi yang dilakukan pelajar dalam penulisan BP sebagai bahasa asing.
3. Adakah bahasa ibunda (B1) atau bahasa Inggeris (B2) mempengaruhi pelajar dalam pemilihan preposisi BP

1.5 Batasan Kajian

Batasan Kajian Objektif 1

Berdasarkan Objektif 1, penyelidik akan mengenal pasti persamaan dan perbezaan elemen preposisi antara BP dengan BM. Elemen preposisi yang difokuskan di sini adalah KP tunggal BP. Justeru, kajian ini dijalankan untuk membandingkan KP tunggal BP dengan KP BM dengan fungsinya dan juga beberapa KP majmuk yang telah dipelajari pelajar semasa mengikuti kelas BP1 (WFD10101) dan BP 2 (WFD10201). Oleh itu, kajian perbandingan elemen preposisi BP dengan elemen preposisi BM ini akan dijalankan dengan

pendekatan Teori Analisis Kontrastif oleh Robert Lado (1957). Kajian ini adalah kajian analisis dokumen dengan kaedah kepustakaan untuk menganalisis persamaan dan perbezaan kedua-dua bahasa.

Batasan Kajian Objektif 2

Objektif 2 dalam kajian ini penyelidik akan menganalisis kesalahan kata preposisi dalam penulisan pelajar BP sebagai BA, Karangan Ujian akhir BP 2 ialah instrumen kajian ini dan kesalahan dalam pemilihan kata preposisi akan dikenal pasti jenis kesalahan KP BP dan dianalisis berpandukan Taksonomi strategi permukaan (Surface Strategy Taxonomy) oleh Dulay, Burt & Krashen (1982). Kajian ini terbatas kepada pelajar BP di UniKL MF yang mengikuti kelas BP 2. Seramai 70 (64 lelaki 6 perempuan) orang pelajar BP II (WFD10201) ini telah dipilih sebagai sampel kajian. Kesemua sampel kajian merupakan pelajar Malaysia dalam lingkungan umur 19 hingga 25 tahun dan boleh bertutur BM dengan baik kerana telah mempelajarinya di sekolah. Status bahasa Melayu ialah B1 iaitu bahasa ibunda dan B2 (bahasa Inggeris). Kajian ini dijalankan di UniKL MFI, Seksyen 14, Jalan Teras Jernang, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor

Batasan Kajian Objektif 3

Objektif 3 bertujuan untuk merumuskan B1 atau B2 yang mempengaruhi responden dalam pemilihan kata preposisi BP. Penyelidik menggunakan data AK yang telah membandingkan KP BP dengan BP BM. Seterusnya penyelidik menganalisis masalah gangguan bahasa dalam penulisan KP BP pelajar menggunakan pendekatan James, C. (1998) sama ada kesalahan yang

dilakukan itu kesalahan interlingual atau intralingual. Kajian ini berdasarkan andaian bahawa kesemua sampel kajian mempunyai latar belakang kemahiran BP yang sama, dan pengetahuan tentang kemahiran menulis tahap 1 yang sama. Satu temu bual juga dijalankan untuk mengukuhkan lagi pendekatan untuk mengenal pasti dan merumuskan bahasa yang mempengaruhi pelajar semasa membuat pemilihan KP BM. Akhir sekali pengaruh bahasa dalam pemilihan preposisi BP akan dirumus melalui faktor interlingual atau intralingual dalam pemelohenan BP. Selain itu, AKons dan analisis kesalahan ini dapat membantu pengajar bahasa dalam pengajaran dan sebagai satu teknik penilaian dan pembetulan dalam kelas bahasa. Setelah masalah yang disebutkan di atas ditemukan, langkah seterusnya penyelidik perlu menumpukan perhatian kepada mencapai objektif kajian.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dan memberikan manfaat kepada banyak pihak yang terdiri daripada penyelidik, pendidik, universiti, kementerian dan pelajar. Dapatan ini boleh dijadikan sebagai panduan menangani masalah kekeliruan KP BP dalam kalangan pelajar BP sebagai BA Kajian ini juga dapat menjadi rujukan tentang pembentukan KP BP dan variasinya. Justeru, penguasaan dan kefahaman tentang KP BP dan fungsinya membolehkan membantu pelajar agar tidak lagi melakukan kesalahan dalam penulisan BP. Dapatan kajian ini dapat membantu pelbagai pihak dalam usaha mengatasi masalah penggunaan dan kefahaman KP BP dalam penulisan seperti berikut:

1.6.1 Penyelidik

Kajian ini penting kepada penyelidik linguistik bandingan terapan dan juga penyelidik BA di Malaysia kerana dapatan daripada kajian ini dapat memberikan idea dalam kajian mereka yang selanjutnya. Dapatan serta perbincangan kajian ini turut menjadi sumber rujukan tentang AKons BP-BM, iaitu perbandingan struktur persamaan dan perbezaan yang terdapat di antara elemen preposisi kedua-dua bahasa tersebut, punca kesalahan pemilihan KP BP dalam penulisan BS dan rumusan tentang bahasa yang mempengaruhi atau mendominasi pemilihan KP BP dalam kalangan pelajar BA di Malaysia. Sehubungan dengan itu, teknik kajian yang sama mungkin boleh digunakan untuk mempelajari dan mendalami bahasa dunia lain yang terdiri daripada kepelbagaian dari aspek nahu dan perkara seumpamanya.

1.6.2 Pendidik

Kajian perbandingan penulisan BP-BM ini memberikan manfaat kepada pengajar BA untuk mengubah atau mencari teknik pengajaran yang bersesuaian agar pelajar tidak lagi mengulangi kesalahan yang dilakukan dalam penulisan bahasa sasaran setelah pembetulan telah dilakukan oleh pensyarah. Manakala, perbandingan elemen preposisi BP dan BM turut membantu pensyarah semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. AKons ini juga memainkan peranan penting dalam pembelajaran BA kerana pelajar BA akan lebih memahami bahasa sasaran yang dipelajarinya kerana dapat membandingkannya dengan B1. Sementara itu, analisis kesalahan bahasa pula dapat membantu pengajar meneliti punca

kesalahan dalam pemilihan KP dalam penulisan pelajar. Selain itu, melalui kajian ini juga pensyarah dapat mengetahui pengaruh bahasa yang dominan yang mempengaruhi pemilihan KP BP dalam penulisan BP. Seterusnya, kajian ini juga membantu pengajar merancang dan membuat persediaan pengajaran dengan lebih baik, menarik dan berkesan bersesuaian dalam penulisan pelajar. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga penting kepada pengajar BA untuk melihat sejauh mana keberkesanan AKons, analisis kesalahan dan bahasa dalam pembelajaran dan penguasaan BP dengan baik walaupun bukan dalam persekitaran komuniti bahasa itu sendiri.

1.6.3 Universiti

Kajian ini juga penting kepada IPT di Malaysia dalam perkembangan pembelajaran BA. Promosi secara meluas dapat dijalankan oleh pihak universiti untuk menggalakkan pelajar universiti mempelajari BA, terutama BP. Hasil daripada kajian yang dijalankan membantu pihak universiti mencari jalan untuk mempelbagaikan kemudahan pengajaran dan pembelajaran BA semasa di dalam kelas dan di luar kelas. Inisiatif pihak universiti menyediakan kemudahan ini dapat mendorong golongan pendidik agar sanggup mengorbankan masa dan tenaga dengan membuat perancangan, membina perisian dan menilai isi pengajaran demi faedah pelajar. Kelebihan kajian yang dijalankan ini berpotensi menarik minat pelajar dan pihak universiti berusaha menyediakan persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan.

1.6.4 Kementerian

Kajian ini juga boleh memberikan maklumat kepada pihak Kementerian Pendidikan menawarkan lebih banyak kursus BA, terutamanya BP peringkat IPT dan sekolah di Malaysia sebelum 2015. Hal ini penting bagi pihak kementerian untuk merangka strategi yang lebih berkesan terhadap pelaksanaan kurikulum bahasa tambahan dan pembelajaran BA di Malaysia. Langkah-langkah yang perlu diambil, dengan menambahkan bilangan tenaga pengajar BA yang terlatih dan menghantar tenaga pengajar mengikuti kursus jangka pendek di negara asal bahasa tersebut dituturkan. Selain itu, bahan rujukan atau kajian dalam BM ditambah dan dikembangkan bagi tujuan rujukan dan kajian dalam masyarakat dan penyelidik dari Malaysia.

1.6.5 Pelajar

Kajian ini untuk membantu pelajar memperbaiki kesalahan dan kesilapan yang dilakukan dalam pemilihan KP BP. Pelajar belajar daripada kesalahan dan berusaha untuk tidak melakukan kesalahan lagi dengan bantuan dan tunjuk ajar pensyarah. Di samping itu, pelajar akan lebih memahami elemen kata preposisi BP-BM melalui perbandingan yang telah dibuat dan diterangkan oleh pensyarah di dalam kelas. Turut diambil kira ialah kepentingan pengaruh bahasa, iaitu B1 dalam pembelajaran BA. Lanjutan daripada itu, perbandingan elemen preposisi, analisis kesalahan pemilihan KP dan rumusan pengaruh bahasa dalam kemahiran penulisan dapat membantu pelajar menguasai BS dengan baik. Maka dengan sebab itu, kajian ini turut memberikan manfaat kepada pelajar BA untuk memilih elemen preposisi yang

betul agar dapat membantu mereka menulis ayat BP yang betul.

1.7 Definisi Operasional

1.7.1 Penulisan Karangan Bahasa Perancis

Penulisan memainkan peranan yang penting dalam penyampaian maklumat dan juga idea. Sejak awal pembelajaran BP sebagai BA di UniKL MFI, pelajar telah dilatih menulis ayat mudah, perenggan pendek, e-mel dan aktiviti lain. Aktivit P&P dijalankan di dalam kelas berpandukan sukatan pelajaran BP dan buku teks Metod pembelajaran BP sebagai BA iaitu *Le Nouveau Taxi 1*. Dalam kajian ini penulisan karangan BP merujuk kepada penulisan karangan (50-80 patah perkataan) pelajar BP 2 dalam kalangan pelajar UniKL MFI semasa ujian akhir BP II (WFD10201) bertajuk *une carte postale à votre maman de Montpellier, France*. Pelajar diminta menulis sekeping poskad kepada ibu yang berada di Malaysia dari bandar Montpellier di selatan negara Perancis. Dalam karangan tersebut pelajar diminta menceritakan tentang percutian pelajar dan rakan di Montpellier, lokasi Montpellier, tempat tinggal pelajar ketika berada di Montpellier dan aktiviti yang dilakukan semasa berada di bandar Montpellier.

1.7.2 Kata Preposisi

Kata Preposisi merupakan kata tidak bervariasi (mot invariable) yang menghubungkan kata atau ayat. Ketika mempelajari BP di UniKL MFI, pelajar telah diperkenalkan dengan KP BP yang penting dan berguna dalam kehidupan seharian iaitu *Prépositions + noms de pays/ville* dan *Les*

